

JAWATAN: JURURAWAT MASYARAKAT GRED U19

| | | |
|----------------------|----------|--------------------------------|
| Kumpulan | : | Pelaksana |
| Jadual Gaji | : | RM1,418.12 – RM4,052.00 |
| Taraf Jawatan | : | Tetap |

SYARAT LANTIKAN

- 1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta **Sijil Jururawat Masyarakat** yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar dengan Lembaga Jururawat Malaysia dan Lembaga Bidan Malaysia. (Gaji permulaan : RM1,418.12); dan
 - b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Keupujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (PSL)

- 2) Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Perawatan Kesihatan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Jururawat Masyarakat Gred U19, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
 - a) mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1(a);
 - b) had umur pelantikan:
 - i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan 60 tahun

SYARAT TAMBAHAN UNIVERSITI

- 3) Mempunyai Sijil Amalan Tahunan (*Annual Practice Certificate*) yang terkini.
- 4) Penempatan adalah di **Pusat Kesihatan Universiti, UPM**.

RINGKASAN TUGAS

Bertanggungjawab sebagai pekerja kesihatan yang menjalankan pelbagai tugas dan merupakan ahli pasukan kesihatan yang berkhidmat secara terus kepada warga UPM dan masyarakat setempat.